

# Timbalan PM: Pandangan Dr M

## 'Pemilihan tidak semestinya mengikut tradisi'

**PULAU PINANG, Ahad** — Timbalan Presiden UMNO yang akan dipilih dalam Perhimpunan Agung parti itu Jun ini tidak semestinya menjadi Timbalan Perdana Menteri, kata Datuk Seri Dr. Mahathir hari ini.

Menurutnya, tidak ada undang-undang mengenai perkara itu, cuma adat sahaja menjadikan Timbalan Presiden UMNO itu Timbalan Perdana Menteri. "Tapi adat pun kadangkala terpaksa dibelakangkan. Sekalipun, pepatah Melayu ada mengatakan biar mati

Oleh JAMELAH BAKAR

patut jangan mati adat tapi kalau anak mati siapa yang nak bawa adat," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Bukit Bendera di sebuah hotel di sini, petang ini.

Timbalan Perdana Menteri menambah, beliau tidak mahu melitinkan diri dan membuat penilaian terhadap mana-mana calon yang bertanding kerusi Majlis Tertinggi, Naib Presiden, Timbalan Presiden dan Presiden, jika bukan beliau.

Menurutnya, beliau tidak mahu membuat penilaian itu kerana menurut sistem yang ada, pemimpin dipilih mestilah bekerja rapat secara kolektif dan memimpin parti ke arah kebajikan.

"Kalau dari mula kita sudah menentukan siapa calon yang

patut menang untuk satu-satu jawatan, kalau tidak terpilih nanti akan timbul perasaan tidak puas hati dan sebagainya.

"Ini tidak membawa kepada satu pentadbiran yang kemas dan lincis. Sebab itu saya tidak mahu terlibat menentukan siapa yang patut jadi jodoh saya.

"Saya berpendapat seseorang calon mestilah sanggup mengabdikan diri kepada parti (tanpa mengira apa jawatan yang hendak diberikan kepadanya)," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, seseorang calon tidak sepatutnya memilih jawatan yang hendak diberikan oleh parti.

"Kalau jawatan yang hendak diberi, terima; kalau Timbalan Presiden pun terimalah; kalau tak beri apa-apa jawatan pun terimalah.

"Ada orang mengatakan kalau tak terpilih tidak mahu berdamas dengan UMNO, kadangkala ada pemimpin cepat melatah," katanya.

Beliau berkata, ramai yang akan bertanding dalam Majlis Tertinggi UMNO nanti dan ada yang akan gagal, tetapi mesti sanggup terus berkhidmat dalam parti.

"Saya dicalon untuk Timbalan Presiden, saya terima dan bertabah," Datuk Haji Mustafá Jabar. Tapi sekarang saya dicalon untuk jawatan Presiden pula, saya terima juga.

"Tapi kalau lebih dari seorang dicalon untuk Presiden, saya terpaksa pegang peluang calon Timbalan Presiden. Ini bermakna nasib tidak baik bagi calon Timbalan Presiden, kerana kalau saya bertanding untuk timbalan tentu saya akan menang," katanya.

"Ada orang yang bijak dan di-sambut tepukan oleh perwakilan. Tambahnya, sebab kedua beliau tidak mahu memberi penilalannya terhadap calon yang akan bertanding kerana berpendapat, orang-orang UMNO adalah orang-orang yang bijak-bijak belaka.

### Berlagak

"Mereka tahu siapa yang mereka hendak, siapa yang patut jadi pemimpin dan siapa yang patut jadi pegawai kerajaan," katanya.

Beliau juga menyebut ada orang yang som-bong, belum jadi pemimpin sudah berlagak jadi pemimpin, dan lagak ini adalah suatu yang dapat ditilakkan oleh ahli-ahli UMNO.

Menurutnya, UMNO sebuah parti yang tersusun gerak gerinya dan susunan gerak gerinya ini dibuat sedemikian rupa kerana ia penting untuk kestabilan parti.

Tambahnya, mesyuarat perwakilan UMNO yang dirasmikan oleh Menteri, Presiden UMNO, Timbalan Presiden, Naib-nab Presiden serta Menteri-menteri Besar di seluruh negara adalah baik untuk memperkenalkan pemimpin itu secara dekat kepada ahli-ahli.

Perlembagaan UMNO, katanya, bukan sahaja menginginkan tapi menggalakkan pemimpin memperkenalkan diri.

"Kalau kita tidak kenal pemimpin secara dekat, cuma membaca dalam akhbar-akhbar sahaja dan mendengar khabar-khabar angin, mungkin kita terpilih pemimpin yang tidak baik dan tidak boleh memimpin kita ke arah kebahagiaan.

"Pemilihan pemimpin adalah satu masalah yang besar. Satu perjuangan akan hancur jika pemilihan pemimpin tidak dibuat dengan betul dan dengan ringkas sahaja. Kita terpilih pemimpin yang tidak dapat bekerja baik dalam UMNO," katanya.

No. Siri ..... 11819  
No. Penerimaan ..... 2687/S1

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia